

## CABARAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA DALAM MENGHADAPI REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>i</sup>, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi<sup>ii</sup> & Azman Ab Rahman<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia & Felo Penyelidik, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), International Fatwa and Halal Centre (iFFAH). [mfirdaus.rahman@usim.edu.my](mailto:mfirdaus.rahman@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia & Felo Penyelidik, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), International Fatwa and Halal Centre (iFFAH). [husein@usim.edu.my](mailto:husein@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia. [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

### Abstrak

*Revolusi Industri 4.0 sedang rancak berlaku diseluruh dunia dan ia memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi tinggi dan sistem automasi lebih pintar. Revolusi ini menandakan kemuculan sistem fizikal siber yang melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi mesin dan keadah baharu teknologi. Dalam kata lainnya, teknologi automasi itu dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan penggunaan tenaga manusia secara langsung. Perkembangan revolusi ini sudah pasti akan menimbulkan pelbagai isu terbaharu khususnya melibatkan hukum hakam kontemporari muamalah Islam. Institusi fatwa di Malaysia merupakan satu badan yang berperanan menyelesaikan permasalahan melibatkan masyarakat dalam perkara berkaitan hukum hakam agama Islam. Selari dengan perkembangan revolusi semasa, institusi fatwa perlu lebih keterhadapan dalam menangani isu-isu kontemporari yang sangat mencabar dan ia sudah pasti memberi cabaran besar kepada institusi fatwa terutamanya dalam proses pengeluaran hukum (istinbat hukum) kerana perubahan teknologi yang pantas mempunyai kesukaran untuk menjangka sesuatu perkara yang bakal berlaku dimasa hadapan. Justeru, objektif kajian ini akan mengenalpasti peranan serta proses pengeluaran fatwa di institusi fatwa di Malaysia, serta mengkaji cabaran yang dihadapi dalam mendepani revolusi industri 4.0. Metodologi kajian menggunakan metode kualitatif dengan menggabungkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan, makala penganalisan data menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati perkembangan revolusi ini telah menimbulkan pelbagai isu baharu dalam kalangan masyarakat yang memerlukan kepada resolusi dan garis panduan yang jelas dan lengkap. Implikasi kajian dalam menyelesaikan permasalahan semasa dan setempat, Institusi fatwa perlu melipatgandakan usaha dan mengatur strategi berkesan dalam menghadapi perubahan teknologi pantas bagi memastikan pengeluaran hukum senantiasa selari dengan perkembangan semasa, dinamis dan praktikal. Usaha-usaha berkenaan termasuklah meningkatkan prasarana pengurusan fatwa terutamanya prasarana teknologi, mengemaskini keanggotaan Jawatankuasa fatwa dan bergiat aktif dalam aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R & D).*

**Kata kunci:** *Revolusi industri 4.0, fatwa, teknologi, sistem automasi, Malaysia.*

## PENDAHULUAN

Teknologi kini telah menjadi sebahagian keperluan manusia sehinggakan mereka tidak dalam meneruskan kehidupan dengan aman dan harmoni tanpanya. Persekitaran manusia pada hari ini di kelilingi dengan pelbagai jenis teknologi yang membantu manusia hidup dengan mudah dan selesa. Malahan dengan teknologi juga ia memberi kesan langsung kepada pembangunan serta kemajuan negara. Perkembangan teknologi yang pesat membangun telah meyumbang kepada kemunculan teknologi baharu yang dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0. di mana ia dibangunkan bercirikan teknologi realiti maya yang tidak terlalu melibatkan kebergantungan tenaga manusia. Malaysia adalah salah sebuah negara yang sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan revolusi berkenaan. Kehadiran revolusi ini akan memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia serta cabaran besar buat negara. Maka, sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, manusia perlu berubah seiring dengan perkembangan tersebut supaya mereka dapat menjadi penggerak dalam revolusi berkenaan. Manusia juga tidak seharusnya hidup dalam persekitaran yang sama kerana sekiranya mereka berterusan kepada keadaan tersebut maka mereka akan ketinggalan dalam segala bidang. Perubahan yang bakal berlaku ini perlu dilihat dari sudut yang positif kerana ia akan memberikan manfaat kepada manusia dimasa akan datang.

Revolusi Industri 4.0 sudah pasti menyumbang kepada kepesatan dan kemajuan negara. Tidak sekadar itu, Industri 4.0 ini akan membawa perubahan baharu kepada semua bidang terutama bidang industri dan perkhidmatan malahan bidang berkaitan agama seperti Institusi Fatwa juga tidak terlepas daripada mengalami perubahan kesan daripada industri berkenaan. Dalam menyelusuri perkembangan Revolusi Industri 4.0, Institusi Fatwa yang berperanan sebagai pengeluar fatwa di Malaysia perlu berubah seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Revolusi Industri 4.0 yang menerapkan elemen penggunaan teknologi yang berkeupayaan melakukan fungsinya tanpa melibatkan tenaga manusia bakal mempengaruhi hukum yang menjadi satu peraturan yang telah ditetapkan oleh syara' dimana ianya perlu dipatuhi oleh umat Islam. Dalam konteks Revolusi Industri 4.0, terdapat banyak isu dan permasalahan baharu yang timbul dan kebanyakan persoalan baharu ini tidak pernah wujud dizaman terdahulu sebelum munculnya zaman ini. Isu dan permasalahan baharu ini boleh disifatkan sebagai kontemporari. Oleh yang demikian, setiap hukum yang dikeluarkan perlu kepada pertimbangan terhadap perubahan masa dan juga keadaan bagi memastikan hukum berkenaan sesuai dengan perubahan semasa. Hal ini merupakan cabaran baharu kepada Institusi Fatwa yang merupakan salah satu badan terpenting di Malaysia. Lantaran itu, Institusi fatwa perlu mengenalpasti cabaran untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 supaya Insitusi ini dapat melakukan perubahan bagi memastikan ianya kekal relevan sepanjang masa.

## METODOLOGI

Penyelidikan kualitatif bertujuan memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian (Merriam et.al., 2002; Ritchie & Lewis, 2005). Selanjutnya, Merriam (1998) dan Patton (2002) menegaskan penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu penyelidikan bertujuan memahami secara holistik pengalaman manusia dalam sesuatu konteks. Oleh itu, menurut Merriam (2002), penyelidikan kualitatif adalah berbentuk induktif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka dan mengenalpasi cabaran yang dihadapi oleh institusi fatwa di Malaysia dalam mendepani revolusi industri 4.0.

Menurut Othman (2007), rasional kajian kualitatif bukanlah untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural, tetapi lebih kepada memperkukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu. Strauss dan Corbin (1998) menyatakan bahawa kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum diketahui. Ia juga boleh digunakan untuk mendapatkan perspektif ke atas perkara-perkara yang telah diketahui atau untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam yang mungkin sukar untuk dinyatakan secara kuantitatif (Othman, 2007). Dalam hal ini, Stake (1995) menyatakan laporan penyelidikan kualitatif biasanya kaya dengan penjelasan yang terperinci dan mendalam tentang pengalaman responden, dan juga daripada aspek epistemologinya lebih harmoni dengan pengalaman pembaca dan oleh yang demikian ia lebih bermakna.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ialah keseluruhan proses penyelidikan iaitu daripada proses pengkonsepsualan masalah kepada proses menulis laporan (Creswell, 2012). Othman (2007) mengukuhkan pandangan Creswell dengan menyatakan reka bentuk kajian kualitatif memberi gambaran tentang komponen yang perlu ada dalam melaksanakan penyelidikan. Ia menggambarkan siri langkah atau tugas dalam merancang dan menjalankan kajian. Ia mungkin dilihat sebagai satu proses yang linear dan berurutan, daripada pernyataan masalah kepada kesimpulan kajian.

Menurut Othman (2007), reka bentuk kajian kualitatif bergantung kepada tujuan kajian. Tidak ada satu kriteria yang ketat tentang saiz sampel (Patton, 2002), menggunakan pelbagai bukti dan data, tidak ada ujian statistik untuk mengukur kesignifikanan keputusan kajian (Eisner, 1991) adalah antara aspek yang terdapat dalam reka bentuk kualitatif. Dalam kajian kualitatif, reka bentuknya merupakan proses refleksif, automatik dan serentak yang beroperasi melalui setiap langkah. Hal ini menurut Ritchie dan Lewis (2005), maklumat lengkap mengenai prosedur kajian biasanya dijelaskan secara retropek yang merupakan naratif tentang apa yang

sebenarnya berlaku setelah kajian dijalankan dengan sempurna. Reka bentuk kajian kualitatif adalah fleksibel mengikut andaian persoalan kajian (Abd Hamid, 2012).

Penyelidik telah memilih reka bentuk sejarah (historical design) sebagai reka bentuk kajian ini. Reka bentuk sejarah digunakan untuk mengumpul data kualitatif tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, dan menghubungkaitkannya dengan peristiwa yang sedang berlaku untuk memahami kejadian peristiwa tersebut (Chua, 2012).

Kajian ini mengkaji tentang fatwa, peranan serta presedur pengeluaran (*instibat*) fatwa di Malaysia. Pendapat ulama terdahulu menjadi asas bagi mengkaji konsep, pengurusan, penyediaan fatwa serta *irsyad fatwa* (kenyataan berhubung isu-isu agama bersifat semasa dan tidak bersifat mengikat) kepada masyarakat di Malaysia. Analisa perbandingan antara pendapat ulama terdahulu dengan pendapat ulama semasa di Malaysia menjadi asas kepada penghasilan resolusi penyediaan fatwa semasa dan kontemporari.

Kajian kes (*case study design*) juga dipilih sebagai reka bentuk kajian ini. Reka bentuk kajian kes menghuraikan seseorang individu atau sekumpulan individu secara teliti untuk memahami suatu isu yang dikaji (Chua, 2012). Ia juga satu bentuk penyelidikan kualitatif yang mana penyelidik menyiasat secara mendalam; sama ada satu program, peristiwa, aktiviti atau proses yang melibatkan seorang atau beberapa individu (Merriam, 2002; Creswell, 2012; Abd Hamid, 2012). Dengan itu secara spesifik, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi mengkaji cabaran yang dihadapi oleh institusi fatwa di Malaysia dalam mendepani revolusi industri 4.0. Reka bentuk kajian kes digunakan untuk kajian ini dengan harapan ia dapat memberikan naratif deskripsi holistik berkaitan cabaran serta resolusi terbaik bagi memastikan pengeluaran hukum senantiasa selari dengan perkembangan semasa, dinamis dan praktikal.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Revolusi Industri 4.0: Peluang dan Cabaran

Revolusi Industri 4.0 atau dikenali sebagai industri 4.0 sering digunakan untuk merujuk kepada proses pembangunan dalam industri pengeluaran dan automasi ketahap yang lebih pintar dari sedia ada dengan teknologi yang lebih sesuai dan fleksibel. Ini bermakna mesin akan beroperasi secara bebas atau berkerjasama dengan manusia. Mesin akan beroperasi secara autonomi iaitu menjadi entiti bebas yang akan mengumpul data dan menganalisa. Secara umumnya Industri 4.0 melibatkan *Internet of Things (IoT)* dalam hampir semua aspek kehidupan seharian dan berbeza daripada revolusi industri pertama yang tertumpu kepada penggunaan mesin berkuasa wap, kedua kepada elektrik dan ketiga kepada penggunaan teknologi maklumat (IT).

Revolusi Industri telah diperkenalkan oleh ahli sejarah terkenal Arnold Toynbee dan ia menjadi satu fenomena yang dianggap lazim dalam masyarakat moden. Sejarah revolusi bermula pada tahun 1800. Industri pertama adalah mengenai kuasa wap untuk digunakan dalam kilang-kilang. Ia bergantung lebih kepada penggunaan air ataupun wap yang berupaya menggerakkan jentera berasaskan kuasa wap untuk kerja-kerja yang tidak terdaya oleh kudrat manusia. Industri kedua pula diperkenalkan sekitar tahun pada tahun 1900 yang menggunakan kuasa elektrik. Perkembangan teknologi yang melibatkan kuasa elektrik jelas membawa satu lagi lonjakan status hidup masyarakat melalui pengilangan besar-besaran seperti mana pada hari ini. Industri ketiga pada tahun 2000 yang mana menggunakan computer dan teknologi maklumat. Diperingkat akhir revolusi ketiga timbul pula teknologi automasi iaitu satu keupayaan teknologi tidak perlu melibatkan tenaga manusia secara langsung. Mesin dan jentera mampu bergerak dan serta berkerja dengan sendiri apabila ia dimuatkan dengan program computer tertentu bagi melakukan sesuatu aktiviti terancang. Manakala Revolusi keempat pula bermula pada tahun 2016 yang mana ia merupakan kesinambungan daripada versi ketiga dalam peningkatan automasi berserta rangkaian internet dan proses-proses fizikal lain dan muncul pula satu sistem berbentuk siber-fizikal (Zakaria, 2018).

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang merupakan hasil dari kesinambungan Industri pertama sehingga industri ketiga bakal memberi banyak manfaat serta perubahan yang besar kepada masyarakat. Pendekatan yang dibawa dalam industri ini telah menarik banyak negara diseluruh dunia termasuklah Malaysia untuk meneroka dan menceburi dalam industri berkenaan. Bahawasanya, sains dan teknologi merupakan tunjang utama kepada pembentukan Industri 4.0 dan Malaysia adalah sebuah negara yang berada kearah bidang tersebut. Kepesatan negara Malaysia dalam bidang sains dan teknologi telah menyumbang keterlibatan secara langsung dalam Industri 4.0 malah persediaan secara komprehensif juga telah dilakukan dalam menghadapi revolusi digital berkenaan. Bagi usaha menggalakkan penglibatan Malaysia dalam Industri 4.0, maka kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Kebangsaan Industri 4.0. Dasar ini merupakan satu dasar negara untuk membawa satu perubahan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan. Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 atau dikenali Industry 4WRD menggariskan 13 strategi meluas yang akan mentransformasikan landskap industri perkilangan dalam dekad seterusnya dengan dipacu oleh tiga faktor peralihan iaitu Orang, Proses dan Teknologi (Zakariah, 2018). Melalui dasar ini, lima pemangkin diterapkan iaitu F.I.R.S.T yang meliputi pembiayaan dan insentif berasaskan hasil, infrastruktur digital dan ekosistem, rangka kerja kawal selia dan penerimgunaan industri, meningkatkan kemahiran sedia ada dan menghasilkan bakat baru untuk masa hadapan serta akses kepada teknologi pintar dan piawaian (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 2018). Dalam pada itu

juga, melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) dasar ini telah mengenal pasti sektor-sektor yang memiliki potensi besar untuk diberi tumpuan kearah Revolusi Industri 4.0 iaitu elektrik dan elektronik, pemesinan dan peralatan, kimia, peranti perubatan, aero-angkasa, automotif, pengangkutan, perkhidmatan, tekstil, farmaseutikal, logam dan pemprosesan makanan (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 2018). Bahawasanya dasar industry 4WRD yang diperkenalkan ini bakal membawa perubahan besar kepada industri yang menjadi pemangkin kepada Industri 4.0 di Malaysia dan seterusnya menggalakkan usaha bagi mewujudkan perkhidmatan, teknologi dan produk sendiri Malaysia.

Dunia kini telah melalui beberapa fasa revolusi perindustrian dan ketika ini fasa keempat sedang berlaku dimana ia membawa kepada satu fasa yang berbeza dengan fasa-fasa revolusi perindustrian sebelum ini. Fasa yang sedang dihadapi dunia pada hari ini adalah melibatkan penggunaan teknologi yang berkeupayaan menjalani fungsinya tanpa memerlukan penglibatan tenaga manusia. Pada peringkat awal, revolusi industri 4.0 akan mengubah cara hidup manusia dan perkerjaan. Perubahan yang berlaku hasil daripada perkembangan teknologi yang pesat ini bakal memberi cabaran baharu kepada negara yang membabitkan semua sektor terutamanya perkhidmatan dan perindustrian. Melalui revolusi ini, terdapat ramai pakar yang melihat bahawa tugas sebenar manusia digantikan dengan tenaga robotik yang memberi kesan kepada jutaan manusia akibat kehilangan perkerjaan khususnya dalam sektor pengilangan (Mazlan, 2017). Pada hari ini, dapat kita saksikan kebanyakan tugas utama manusia yang melibatkan perkhidmatan, telepemasaran, broker hartanah boleh dilakukan menerusi proses automasi hasil bantuan perisian (Mohamed Ali, Ayu Nor Azilah & Nur Azlan Sham, 2018). Sebagai contoh perkhidmatan Grab yang menjadi kebanggaan negara hasil ciptaan rakyat Malaysia dimana ia dibangunkan menggunakan perisian aplikasi bagi memudahkan pengguna mendapatkan perkhidmatan pengangkutan dengan lebih cepat dan mudah.

Teras utama kepada Revolusi Industri 4.0 seperti robotik, genetik, cetakan 3D, *artificial intelligence* (AI) dan sebagainya pada ketika ini sedang berkembang dengan pesat sekali, Teknologi berkenaan mampu mewujudkan satu sistem yang pintar sekiranya ia saling bergabung antara satu sama lain. Bahawasanya, sistem pintar ini telah lama mendapat tempat di seluruh dunia dengan kemunculan kad pintar, telefon pintar dan sebagainya. Kewujudan sistem berkenaan secara tidak langsung akan mencetuskan kemunculan kilang pintar yang mana internet dan robotik digantikan sebagai keupayaan dan keperluan kerja manusia. Dalam hal yang demikian, ianya akan membawa kepada pertembungan antara alam manusia dengan dunia robot dalam lonjakan industri pada abad yang ke 21. Pada ketika perubahan ketara yang dibawa oleh Industri 4.0 dengan menjanjikan sesuatu yang hebat dengan mencetuskan corak baharu dalam pengeluaran,

penggunaan dan pekerjaan, ia juga mengundang cabaran yang memerlukan adaptasi secara proaktif oleh organisasi perniagaan, kerajaan dan orang perseorangan. Apabila keseluruhan industri membuat penyesuaian kebanyakan bidang pekerjaan akan mengalami transformasi dan dalam keadaan ini akan ada bidang pekerjaan yang terjejas dan ada pula bidang yang akan berkembang dan yang pastinya pekerjaan masa kini akan mengalami perubahan yang memerlukan kemahiran yang berbeza (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2018).

Selain itu, cabaran kepada sumber manusia yang berkemahiran tinggi perlu menjadi fokus dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 sumber manusia yang berkemahiran tinggi sangat penting kerana Industri 4.0 ini melibatkan elemen robot, sistem, aplikasi dan perkhidmatan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan kesemuanya perlu digerakkan oleh mereka yang memiliki kemahiran tinggi dalam bidang teknologi. Dalam memenuhi tuntutan keperluan Industri 4.0, latihan dan pembangunan sumber manusia seharusnya diberi perhatian supaya mereka dapat melengkapkan keupayaan diri serta sentiasa bersedia menghadapinya. Aspek latihan dan pembangunan sumber manusia tidak seharusnya dipandang remeh malah perlu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana pengabaianya bakal memberi kesan dalam menghadapi Industri 4.0. Hakikatnya, aspek latihan dan pembangunan merupakan peralihan utama yang perlu diberi penekanan oleh organisasi untuk melahirkan modal insan dalam menangani cabaran Industri 4.0 dan tanpa modal insan berpengetahuan dan berkemahiran akan menyebabkan organisasi berdepan masalah dalam berdepan Industri 4.0 (Mohamed Makhbul & Abd Latif, 2019). Pengabaian aspek latihan dan pembangunan sumber manusia, serta kurangnya kesedaran tentang kepentingannya boleh menyebabkan organisasi bakal berdepan dengan cabaran untuk menangani industri 4.0 antaranya cabarannya ialah penyusutan moral dan motivasi, peningkatan pusing ganti pekerja dan masalah ketidakpuasan kerja (Zafir, Fazilah & Mohd Helmi, 2018).

### **Institusi Fatwa Di Malaysia: Kedudukan Serta Peranannya**

Fatwa ialah penerangan kepada sesuatu perkara yang menimbulkan kemusykilan. Fatwa diambil daripada perkataan *afta ifta'an* yang bermaksud menjelaskan dan menghuraikan hukum bagi sesuatu permasalahan (Ibnu Manzur, 1994). Dalam erti kata lain Mufti sebagai seorang yang berijtihad ditugaskan menjawab dan menerangkan hukum-hukum yang mempunyai kemusykilan bersandarkan kepada dalil syara' apabila ditanyakan kepadanya permasalahan yang melibatkan isu semasa. Menurut Syeikh Husein Mohamad Milah (2009) mufti sebagai orang yang berijtihad bertanggungjawab menjawab perkara berkaitan hukum syara', manakala proses pengeluaran hukum berkenaan diistilahkan sebagai fatwa. Bahawasanya fatwa adalah hasil daripada proses

ijtihad yang bersandarkan kepada al-Quran, as-Sunnah, ijma' dan qiyas. Fatwa telah diamalkan sejak sekian lama bermula dari zaman nabi Muhammad S.A.W, sahabat sehingga ke hari ini. Namun kaedah yang digunakan dalam mengeluarkan sesuatu fatwa berbeza daripada zaman nabi, zaman sahabat, dan zaman kini. Pada peringkat awal Rasulullah S.A.W adalah merupakan individu yang mempunyai autoriti dalam menentukan sesuatu perkara berkaitan dengan agama Islam dan baginda menjadi rujukan utama dalam semua hal. Setelah kewafatan baginda Rasulullah S.A.W, fatwa atau ijtihad dilakukan oleh para sahabat yang menghafal fatwa baginda, menghafal hadith, menghafal al-quran dan memiliki kebijaksanaan akal fikiran. Para sahabat mencari persamaan dan maksud hukum yang terdekat bagi membuat fatwa baharu.

Institusi fatwa merupakan satu badan terpenting di Malaysia yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan permasalahan agama yang timbul dalam masyarakat dan ia sentiasa menjadi rujukan bagi umat Islam di Malaysia. Perkembangan Institusi fatwa di Malaysia bermula apabila tibanya kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-7 masihi dengan mengamalkan sistem pemerintahan yang bercirikan Islam. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah menyebabkan undang-undang Melayu diubah suai kepada undang-undang Islam dan dengan itu juga corak pemerintahan berkonsepkan khalifah yang adil dan bersistematik diperkenalkan. Berdasarkan corak pemerintahan ini, raja atau sultan dilantik sebagai khalifah bagi mengetuai pentadbiran negara yang dibantu oleh penasihat, ulama' dan mufti. Selepas Tanah Melayu kemerdekaan pada tahun 1957, Perlembagaan Persekutuan diperkenalkan dan ia merupakan sumber undang-undang tertinggi bagi negara dan kewujudannya adalah bertujuan untuk menyelaraskan pemerintahan sesebuah negara. Mengandungi 183 Perkara dan salah satunya ialah mengekalkan kedudukan sultan sebagai ketua agama di negeri masing masing. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pengasingan kuasa antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat dalam pentadbiran malah setiap daripadanya mempunyai bidang pengkhususan tertentu dalam menjalankan urusan pentadbiran. Melalui bidang pengkhususan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara 74 (2) butiran 1 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan menetapkan bahawa perkara yang berkaitan dengan agama Islam adalah terletak dibawah bidang kuasa kerajaan negeri dan ini bermaksud urusan fatwa merupakan tanggungjawab kerajaan negeri dalam mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai fatwa di negeri masing-masing. Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana memiliki 14 negeri didalamnya. Oleh yang demikian, setiap negeri akan diwakili oleh seorang jawatan mufti dan perkara ini menjadikan Malaysia mempunyai 14 jawatan mufti keseluruhannya. Hal ini juga adalah bertitik tolak dengan bidang kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Institusi fatwa sentiasa menjadi rujukan oleh masyarakat sekiranya timbulnya kemusykilan berhubung dengan hukum syara'. Fatwa yang dikeluarkan meliputi pelbagai bidang sama ada Ibadat, Muamalat, Akidah sehinggalah ke bidang sains dan teknologi. Ini menunjukkan bahawa institusi fatwa mempunyai peranan yang signifikan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Di Malaysia, fatwa yang diputuskan terbahagi kepada tiga bentuk; (1) fatwa yang diwartakan, (2) jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa, (3) fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dalam bentuk persendirian sama ada berbentuk lisan ataupun tulisan. Walaubagaimanapun, hanya kategori pertama sahaja yang mengikat dan menjadi sebahagian daripada undang-undang manakala kategori kedua dan ketiga tidak mengikat serta tidak memberi sebarang implikasi undang-undang di Malaysia (Muhammad Ikhlas et al., 2013). Melalui Institusi Fatwa, Mufti dibantu oleh suatu jawatankuasa yang dipanggil sebagai Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa ini bertanggungjawab membantu mufti melakukan proses menginstibat hukum dan setiap jawatankuasa memiliki nama yang berbeza mengikut negeri masing-masing seperti di negeri Perak, Melaka, Negeri Sembilan Perlis dan Pulau Pinang dikenali Jawatankuasa Syariah. Negeri Johor, Kedah dan Terengganu dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa. Manakala di negeri Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan ia dinamakan sebagai Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara'. Di Kelantan, ia dipanggil sebagai Jemaa'ah Ulama'. Di negeri Sarawak pula, ia dikenali sebagai Lembaga Fatwa. Dalam pada itu, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri merupakan badan penyelaras di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 yang dipanggil dengan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut berlangsung sebanyak 18 kali dan yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudiaannya penggunaan perkataan Persidangan ditukar kepada perkataan Muzakarah. Maka pada tarikh 28 hingga 29 Jun 1981 diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Kali Pertama. Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengikut pada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja. (Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 30 Oktober 2019).

Pada hari ini, terdapat banyak isu-isu kontemporari yang timbul dan kebanyakannya masih tiada sebarang hukum dan penetapan yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan timbulnya kemusykilan dalam kalangan masyarakat berhubung hukum bagi sesuatu perkara. Realiti konteks masyarakat Islam kini, fatwa merupakan satu keperluan untuk mengetahui sesuatu hukum syara' bagi memastikan manusia sentiasa berada pada landasan Islam yang sebenar. Kebanyakan ulama' meletakkan hukum berfatwa sebagai fardhu kifayah. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2008) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa fatwa termasuk sebahagian daripada keperluan agama yang sepatutnya wujud demi masalah dan maanfaat umum khususnya dalam menyelesaikan masalah dan kemusykilan hidup yang berkaitan dengan muamalah semasa. Oleh itu, fatwa memainkan peranan penting dalam sesebuah negara Islam seperti Malaysia. Di Malaysia, mufti dan fatwa tidak dapat dipisahkan daripada Institusi Kefatwaan dan segala kemusykilan yang timbul berkaitan hukum syara' akan dirujuk kepada institusi berkenaan. Institusi Fatwa di Malaysia berperanan dalam penyebaran hukum dan menyelesaikan kemusykilan yang timbul dengan memberikan penjelasan yang jelas dan tepat berkaitan hukum syara' untuk pedoman masyarakat agar kehidupan mereka berlandaskan Syariah (Wan Zulkifli et al., 33, 2016). Justeru, peranan yang dimainkan Institusi Fatwa dalam perkembangan hukum syara' perlu diiktiraf dan diangkat kedudukannya sebagai sebuah institusi yang menjaga kepentingan agama Islam di negara yang majoritinya adalah beragama Islam agar kesucian serta kedudukan agama Islam terus dipelihara dan dihormati.

### **Kaedah Fiqh: Tidak Diingkari Berlakunya Perubahan Hukum Disebabkan Perubahan Masa**

Islam merupakan agama yang relevan sepanjang masa. Kerelevanannya membuatkan Islam terus berkembang dari bermulanya penurunan wahyu dan ia tidak pernah berhenti sehingga ke hari ini. Selain itu, ia juga memiliki sifat holistik yang sesuai untuk memenuhi keperluan manusia meliputi segenap masa dan tempat. Dalam konteks penetapan hukum yang membabitkan urusan berkaitan kehidupan manusia, perubahan masa dan tempat memberi kesan besar kepada hukum disepanjang masa. Bahawasanya, setiap hukum yang telah ditetapkan memiliki sebab dan tujuannya yang tersendiri bagi memastikan keadilan dapat diwujudkan, kerosakan dapat dihindari serta memberikan kemaslahatan demi kepentingan manusia. Perubahan hukum adalah perlu seiringan dengan perubahan masa dan tempat kerana sekiranya faktor masa dan tempat

diketepikan maka hukum yang dikeluarkan berkemungkinan tidak relevan dengan realiti semasa. Perkara ini merupakan suatu perkara yang diperakukan dan diterima pakai lagi *tsabit* (utuh) oleh ulama' terdahulu bahawa kaedah: "*Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum hakam dengan berubahnya masa*" iaitu perubahan yang melibatkan masa dan keadaan mempengaruhi sebahagian besar hukum-hukum syarak yang diputuskan melalui ijtihad dan ini bermaksud sekiranya uruf dan adat membawa kepada suatu hukum kemudian keduanya tersebut berubah kepada uruf dan adat yang lain, maka hukum juga berubah kepada apa yang menepati uruf dan adat yang baharu itu (Al-Zarqa', 2004; Muhammad 'Ali, 1970).

Selain itu, terdapat ulama' yang memberikan kaedah yang lebih kompleks berbanding kaedah sebelum ini iaitu: "*Perubahan masa, tempat, keadaan, niat dan tujuan memberi kesan kepada perubahan fatwa (hukum)*" (Ibn Qayyim, 1999). Kaedah ini dibentuk bersumberkan kepada dalil dari al-Quran, hadis dan juga pandangan para Sahabat (al-Qaradawi, 1992). Kaedah ini memberi kesan kepada hukum yang boleh berubah (*mutghayyirat*) sekiranya hukum berkenaan dihasilkan melalui cara Ijtihad namun pada perkara-perkara yang *tsawabit* (tetap dan kekal) dimana telah ditetapkan hukumnya berdasarkan dalil qat'ie yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis seperti pensyariatan solat, puasa, pengharaman zina, minum arak, dan seumpunya maka ia sama sekali tidak berubah mengikut perubahan masa dan tempat. Pembinaan hukum yang melibatkan hukum boleh berubah dengan kaedah ini pada dasarnya adalah bagi memastikan hukum yang dikeluarkan mengambil kira kepentingan maslahat kepada masyarakat dan menolak kepada kerosakan

Dalam konteks Revolusi Industri 4.0, kaedah fiqh "*Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum hakam disebabkan berubahnya masa*" sudah semestinya berkait rapat antara satu sama lain. Penggunaan teknologi pintar dalam industri 4.0 pada hari ini yang membolehkan mesin bergerak secara autonomi tanpa menggunakan tenaga manusia memungkinkan untuk kaedah ini diaplikasikan dalam penetapan hukum (Ahmad Zaki et al., 2015; Mardiana & Hasnah, 2011). Industri 4.0 merupakan industri terbaharu yang diperkenalkan pada abad ini, oleh itu setiap hukum yang ditetapkan perlu selari dengan perubahan yang berlaku pada ketika ini. Sekiranya hukum yang dikeluarkan tidak mengambil kira perubahan masa dan keadaan maka ia akan menyebabkan hukum tersebut tidak sesuai untuk diamalkan. Oleh yang demikian, kaedah tersebut perlu diberi perhatian khusus dalam menghadapi dunia yang semakin canggih di masa akan datang agar supaya hukum-hukum yang dikeluarkan kekal kompeten dan tidak ketinggalan seiring dengan perubahan masa.

## **Prosedur Pengeluaran Fatwa Dan Penguatkuasaannya**

Di Malaysia, prosedur pengeluaran terbahagi kepada dua peringkat iaitu proses pengeluaran diperingkat Persekutuan dan juga Negeri. Bahawasanya prosedur pengeluaran fatwa diperingkat Persekutuan dan Negeri adalah berbeza malah dari sudut autoritinya turut mempunyai perbezaan. Dalam melakukan proses pengeluaran sesuatu fatwa, terdapat prosedur tertentu bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan menepati garis panduan yang ditetapkan dalam peraturan, Akta, Enakmen atau Ordinan (Kasnan, 2006).

Prosedur pengeluaran fatwa di peringkat Kebangsaan berdasarkan peruntukan dalam perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang mana menetapkan bahawa bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ialah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja dan mengemukakan pendapat serta syor-syor kepada Majlis Raja-Raja. Berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan maka proses pengeluaran fatwa bermula apabila timbulnya sesuatu masalah yang menyentuh agama Islam dan pihak Majlis Raja-Raja memutuskan ia perlu dikeluarkan fatwa, maka pihak Majlis Raja-Raja akan mengemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Setelah Majlis Kebangsaan menerima perkara yang dikemukakan oleh Majlis Raja-Raja, ia akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk dibincangkan dan membuat keputusan. Setelah Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan dan mengeluarkan fatwa, Majlis Kebangsaan akan mengambil tindakan dengan mengemukakan kepada pihak Majlis Raja-Raja. Fatwa-fatwa yang telah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja akan diumumkan fatwa rasmi dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam akan menghantar fatwa-fatwa rasmi berkenaan di negeri-negeri atau mana-mana agensi yang berkaitan untuk dilaksanakan.

Prosedur pengeluaran fatwa diperingkat negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri negeri masing. Prosedur ini dirangka bagi mewujudkan keseragaman disetiap negeri dengan menetapkan satu tatacara penerbitan fatwa. Prosedur pengeluaran fatwa di negeri bermula dengan melakukan kajian dan penyelidikan ke atas sesuatu isu atau permasalahan yang timbul. Pada peringkat kedua, satu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri akan diadakan bagi membincangkan isu yang diutarakan. Kemudian setelah bermesyuarat dan memperolehi satu keputusan maka keputusan sesuatu fatwa tersebut hendaklah dikemukakan pada Majlis Agama Islam Negeri masing masing. Peringkat seterusnya, keputusan fatwa perlulah mendapatkan perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan ataupun Yang Dipertuan Agong bagi pewartaan dan setelah mendapat perkenan maka keputusan

tersebut perlu lah diasiarkan dalam Warta dan menjadi sebahagian daripada Enakmen kerajaan negeri.

Di negeri Melaka, berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 36 (1), (2), (3) dan (4) menyatakan bahawa:

*“sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat sesuatu fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan suatu kertas kerja disediakan. Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa, Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu. Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis. Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta”.*

Manakala di negeri Perak, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 berdasarkan seksyen 37 (1), (2), (3) dan (4) menyatakan bahawa:

*“sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat sesuatu fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya apa-apa kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan suatu kertas kerja disediakan. Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat sesuatu fatwa, Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu. Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, memaklumkan Majlis tentang fatwa yang telah disediakan itu. Jawatankuasa Fatwa boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta”.*

Berdasarkan penelitian penyelidik Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri, didapati prosedur yang digunakan di setiap negeri dalam proses mengeluarkan hukum fatwa terdapat persamaan dan perbezaan. Pandangan ini disokong oleh Hasnan (2006) Zaini (2005) dengan menyatakan berdasarkan peruntukan perundangan Islam semasa, sesuatu keputusan yang dibuat tidak dikatakan sebagai fatwa sekiranya ia dikeluarkan dengan tidak mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan, dikeluarkan oleh orang atau jawatankuasa yang diberikan kuasa dan disiarkan dalam warta. Sesuatu fatwa yang telah diwartakan maka ia boleh dikuatkuasakan dan menjadi suatu undang-undang bagi sesebuah negeri. Oleh itu, setiap fatwa yang telah diwartakan akan mengikat orang yang tinggal di negeri dimana fatwa berkenaan

difatwakan, ini berdasarkan Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 37 (1) menyatakan bahawa:

*“apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Melaka sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi”.*

Selain itu, di negeri Selangor, seksyen 49 (1) menyebutkan bahawa:

*“apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi”.*

Hal yang demikian adalah disebabkan bidang kuasa agama Islam diletakkan bawah kerajaan negeri berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan dalam perlembagaan Persekutuan. Bagi mereka yang mengingkari fatwa apabila sesuatu fatwa itu telah diwartakan maka mereka boleh dikenakan hukuman mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah bagi negeri masing-masing. Berdasarkan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 9, memperuntukkan bahawa:

*“mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.*

Manakala di negeri Terengganu, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, seksyen 10 menyebutkan bahawa:

*“mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.*

## Konflik Fatwa Di Malaysia

Malaysia mempunyai dua Institusi Fatwa yang berperanan dalam menyebarkan maklumat hukum kepada masyarakat iaitu Institusi fatwa diperingkat Persekutuan dan Negeri. Institusi fatwa di peringkat persekutuan berperanan sebagai institusi yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa kebangsaan dengan tujuan penyelerasan dan penyeragaman fatwa negeri-negeri di Malaysia. Manakala Institusi fatwa diperingkat negeri bertanggungjawab menjadi pengeluar fatwa utama bagi negeri masing-masing dan fatwa yang dikeluarkan oleh sesuatu negeri mengikat rakyat negeri berkenaan dalam mematuhi segala keputusan fatwa yang telah diwartakan. Kedua-dua Institusi berkenaan mempunyai peranan yang sama sebagai pengeluar fatwa namun fungsi dan bidangkuasanya adalah berbeza. Lantaran itu, wujudnya konflik fatwa antara Institusi Fatwa Kebangsaan dengan negeri (Muhammad Ikhlas et al., 2013).

Konflik fatwa yang terjadi antara institusi-institusi yang berautoriti mengeluarkan fatwa di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu konflik fatwa antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan fatwa negeri, konflik antara fatwa negeri dengan negeri, seperti berikut:

*i. Konflik Fatwa Antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Dengan Fatwa Negeri*

Berdasarkan penelitian, konflik ini berlaku disebabkan perbezaan keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan negeri. Konflik yang berlaku ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan pandangan terhadap sesuatu perkara yang diputuskan. Ini membawa maksud apabila sesuatu keputusan fatwa ingin diputuskan terdapat pandangan yang mengharuskan dan ada juga yang mengharamkan. Hal ini berlaku disebabkan oleh pendekatan hujah yang digunapakai dalam menetapkan sesuatu keputusan fatwa. Kesemua ini boleh menyumbang kepada satu situasi yang mengelirukan masyarakat terhadap hukum kerana wujudnya hukum yang berbeza-beza bagi sesuatu isu. Selain itu, timbulnya keraguan dan ketidakpercayaan masyarakat terhadap Institusi Fatwa sebagai badan yang diiktiraf mengeluarkan fatwa.

Faktor yang membawa kepada konflik fatwa ini adalah peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Jawatankuasa berkenaan ditubuhkan pada awal tahun 1970 dan berperanan menjadi pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan. Namun yang demikian, peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini sangat terbatas kerana berdasarkan peraturan 14, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ianya bertanggungjawab menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang

dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja dan mengemukakan pendapat serta syor-syor kepada Majlis Raja-Raja. Selain itu, tugas peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini adalah memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri yang membabitkan pentadbiran dan perundangan dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam memastikan wujudnya keseragaman undang-undang dan juga pentadbiran.

Penyelidik berpandangan faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya konflik fatwa di Malaysia adalah disebabkan oleh keterbatasan bidangkuasa antara persekutuan dan negeri. Dalam konteks Malaysia, perkara yang melibatkan agama Islam merupakan bidang kuasa negeri dan perkara berkenaan telah pun diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan berdasarkan perkara 74 (2) butiran 1 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Oleh hal yang demikian, Intituti Fatwa diperingkat negeri mempunyai kuasa sepenuhnya dalam menguatkuasakan fatwa yang telah diputuskan. Namun yang demikian, fatwa diperingkat negeri hanya terpakai pada negeri yang menguatkuasakannya sahaja dan ia tidak tertakluk pada negeri negeri lain. Tambahan lagi, Institusi fatwa Kebangsaan diperingkat Persekutuan juga tidak memiliki kuasa terhadap institusi fatwa negeri dan ini bermaksud fatwa yang dikeluarkan Institusi Fatwa Kebangsaan di peringkat Persekutuan tidak mengikat mana-mana negeri untuk mematuhi. Perlembagaan Persekutuan, perkara 3 (1) menyebut bahawa: *“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dimana-mana Bahagian Persekutuan”*. Berdasarkan peruntukan berkenaan, perlembagaan mengiktiraf Islam dan juga Persekutuan mempunyai kuasa terhadap agama perkara berkaitan dengan Islam. Walaubagaimanapun, kedudukan Islam terbatas disebabkan oleh pemisahan kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada negeri untuk menguruskan perkara berkaitan agama Islam.

ii. *Konflik Fatwa Antara Negeri Negeri*

Faktor utama yang menyebabkan wujudnya konflik fatwa adalah disebabkan kaedah pengeluaran fatwa (*Istinbat Fatwa*) yang berbeza. Dalam proses mengeluarkan sesuatu fatwa, perlu wujudnya satu kaedah pengeluaran fatwa yang selari bagi memastikan setiap fatwa yang diputuskan mempunyai keseragaman. Malaysia merupakan negara yang mempunyai 14 negeri dan setiap mempunyai Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri masing-masing. Setiap peruntukkan dalam Enakmen adalah berbeza mengikut negeri. Dalam konteks fatwa di Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama-Agama Islam bagi negeri masing-masing mempunyai peruntukkan tertentu bagi kaedah mengistinbatkan

fatwa. Peruntukkan yang wujud ini menimbulkan kaedah pengeluaran fatwa yang berbeza antara negeri-negeri di Malaysia dan ianya secara tidak langsung memberikan hasil keputusan fatwa yang berbeza di setiap negeri. Di negeri Perlis, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, seksyen 54 (1) yang menyebut bahawa:

*“dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahu alaihi Wassalam”.*

Di negeri Pahang, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, seksyen 41 (1), (2) dan (3) menyebutkan bahawa:

*“semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36 atau memberi pendapat di bawah seksyen 40, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie. Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti boleh mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, atau Mazhab Hambali. Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun daripada qaul muktamad empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti boleh memutuskan masalah itu menurut pendapatnya sendiri dengan tidak terikat kepada qaul muktamad mana-mana Mazhab yang empat”.*

Manakala di negeri Melaka, berdasarkan seksyen 42 (1), (2) dan (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, memperuntukkan bahawa:

*“dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 36, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 41, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu. Berdasarkan penelitian, maka dapat dilihat bahawa negeri Perlis mempunyai perbezaan dalam kaedah istinbat fatwa berbanding negeri-negeri lain”.*

## Cabaran Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Revolusi Industri 4.0

Realiti kini, Revolusi Industri 4.0 memberi satu cabaran besar kepada Institusi Fatwa dalam menggalas tanggungjawab menyelesaikan permasalahan yang timbul berhubung hukum syara' dalam kalangan masyarakat dalam era modenisasi. Fatwa merupakan satu panduan yang penting bagi masyarakat Islam terutama dalam konteks dimana terdapatnya cabaran-cabaran kemajuan moden yang boleh menimbulkan keraguan atau kebimbangan kepada individu dan masyarakat Islam terhadap kemurnian atau kesucian pegangan dan amalan agama (Ahmad Hidayat & Che Rozaihan, 2017; Yasin, 2007; Majid, 2004). Cabaran yang bakal dihadapi oleh Institusi Fatwa bukanlah merupakan satu cabaran yang mudah kerana teknologi yang canggih dan pantas menyebabkan kesukaran dalam menjangkakan sesuatu perkara yang akan berlaku kelak (Khairuldin et al., 2019). Oleh yang demikian, tahap kesediaan yang tinggi dan rapi serta aspek-aspek tertentu perlu diberi perhatian bagi menjamin kemaslahatan ummah. Cabaran bagi Institusi Fatwa dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 perlu ditangani secara positif dan berhemah dengan bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah kerana cabaran-cabaran ini dapat dijadikan sebagai pemangkin ke arah memperkukuhkan Institusi Fatwa kearah yang lebih baik serta dapat menyelesaikan masalah masyarakat dengan penuh professional dan harmoni. Dalam hal yang demikian, terdapat beberapa cabaran telah dikenalpasti dan perlu ditempuhi oleh Institusi Fatwa dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0, antaranya:

*i. Kepakaran Mufti yang Tertumpu kepada Bidang Syariah*

Mufti adalah merupakan individu yang mempunyai autoriti dalam mengeluarkan sesuatu fatwa di Malaysia. Setiap mufti yang dilantik perlu mempunyai syarat tertentu dan kelayakan akademik berkaitan bidangnya supaya proses pengeluaran fatwa berjalan dengan baik berlandaskan kepada lunas-lunas Syariah. Dalam konteks Revolusi Industri 4.0, mufti serta ahli jawatankuasa fatwa perlu mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang teknologi dan mereka tidak seharusnya tertumpu pada bidang Syariah semata-mata. Pengetahuan terhadap teknologi membuat para mufti dapat mengetahui situasi sebenar ketika mana berhadapan dengan alat-alat teknologi masa kini yang semakin canggih. Hal ini secara tidak langsung, memudahkan mufti mengeluarkan sesuatu fatwa berdasarkan keadaan semasa. Di Malaysia, kebanyakan mufti dilantik berdasarkan kepada kelayakan akademik dalam bidang Syariah dan pengajian Islam, dalam hal yang demikian mereka hanya mampu mengeluarkan fatwa dalam ruang lingkup bidang berkenaan (*world view*) dan kemampuan mereka untuk mengadaptasi kepada bidang-bidang lain adalah terbatas. Perkara ini

sudah pasti menjadi halangan terbesar kepada Institusi Fatwa dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

ii. *Isu Kewujudan “Ulama Segera” dan “Fatwa Jadian”*

Kepesatan dan kerancakan perkembangan teknologi masa kini telah menyebabkan penyebaran maklumat dapat disampaikan dengan begitu cepat dan pantas melalui pelbagai keadah seperti media sosial dan sebagainya. Manusia seharusnya menggunakan kelebihan ini dengan sebaiknya agar mereka dapat memperoleh manfaat sebenar hasil dari kemajuan yang dicapai. Dalam konteks kehidupan moden, kebanyakan kemajuan teknologi disalah gunakan oleh manusia, mereka tidak menggunakan kearah mempertingkatkan kualiti hidup dan pembangunan diri tetapi mereka menggunakan kelebihan yang ada ini untuk menyebarkan berita palsu dan fitnah, melakukan provokasi, melakukan penghinaan dan sebagainya. Bukan sekadar itu sahaja, malah terdapat juga segelintir manusia yang melakukan penipuan atas nama agama dengan mengeluarkan sesuatu kenyataan berhubung agama tanpa bersumberkan nas-nas atau dalil-dalil dari al-quran dan as-sunnah tetapi menggunakan akal serta hawa nafsu supaya mereka dapat memperdaya manusia. Di Malaysia, terdapat banyak individu-individu yang digelar “Ulama’ Segera” muncul di media-media sosial dalam memberikan dan mengeluarkan sesuatu kenyataan berhubung dengan agama Islam atau berkaitan hukum syara’. Bertitik tolak dengan kemunculan “Ulama’ Segera” ini maka ianya sekaligus mewujudkan “Fatwa Jadian” hasil fatwa yang dikeluarkan oleh individu yang tidak berkelayakan. Pada hakikatnya mereka ini bukanlah golongan yang berkelayakan dan diiktiraf. Bahawasanya, hanya Mufti yang benar-benar dilantik sahaja, memiliki kelayakan untuk mengeluarkan atau memberikan pandangan serta kenyataan berhubung agama Islam atau berkaitan hukum syara’. Perkara ini sebenarnya merupakan perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan ianya jelas menyumbang kepada pemikiran yang sonsang serta membawa kepada kekeliruan dan kecelaruan dalam kalangan masyarakat terhadap perkara berkaitan hukum syara’.

iii. *Teknologi Yang Meminimumkan Penggunaan Tenaga Manusia/ Sumber Manusia.*

Revolusi Industri 4.0 merupakan industri yang menumpukan penggunaan teknologi yang berkeupayaan menggerakkan fungsinya tanpa melibatkan tenaga manusia. Dengan kata lain, industri ini akan memberi penekanan terhadap penggunaan tenaga mesin dan robot. Kepesatan dalam bidang teknologi bakal menyaksikan perubahan cara hidup yang lebih moden dan canggih. Tambahan lagi, dengan kehadiran Revolusi Industri 4.0 sudah semestinya memberi manfaat

serta sumbangan besar kepada kemajuan negara. Penggunaan teknologi telah menyebabkan fungsi manusia telah diambil oleh tenaga mesin maka perkara ini telah mencetuskan satu situasi baharu dalam kehidupan masyarakat. Walaubagaimanapun, situasi ini tidak datang hanya begitu sahaja, ianya datang serentak dengan kebaikan dan keburukannya. Perubahan yang dibawa kesan daripada Revolusi Industri 4.0 bakal menyentuh banyak perkara antaranya melibatkan keagamaan yang berkaitan dengan hukum syara'. Hal ini kerana Industri 4.0 meminimumkan penglibatan manusia maka ianya menimbulkan banyak isu-isu serta permasalahan baharu yang mana ianya memberi implikasi kepada hukum syara' contohnya penyembelihan menggunakan mesin, menderma menggunakan aplikasi BOOST, zakat secara atas talian dan sebagainya. Bahawasanya penggunaan teknologi jelas mempengaruhi bentuk hukum yang dibina. Walaubagaimanapun setelah penelitian dijalankan, penggunaan teknologi tidaklah dianggap sebagai dalil syara' yang boleh menjadi pemboleh terhadap hukum namun kewujudannya tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja malah ianya perlu diambil kira ketika fuqaha' meneliti sesuatu perkara bagi tujuan pengeluaran hukum (Muhammad Fakhruddin, 2010).

*iv. Kaedah dan Proses Pengeluaran Fatwa*

Revolusi Industri 4.0 merupakan satu cabaran besar buat Institusi Fatwa kerana perkembangan teknologi yang semakin canggih dan pantas mencetuskan permasalahan hukum yang baharu. Di Malaysia, kaedah pengeluaran fatwa perlu melalui proses tertentu sebelum ianya menjadi fatwa yang sebenar dan ianya perlu bersandarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri masing. Setiap negeri mempunyai Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing dan dalam Enakmen berkenaan telah diperuntukkan amalan dan keadah pengeluaran fatwa bagi setiap negeri. Secara umumnya, setiap negeri menggunakan qaul muktamad Mazhab Syafi'e melainkan negeri Perlis dan qaul ini sememangnya akan diutamakan sebelum melihat kepada pandangan-pandangan Mazhab muktabar yang lain. Fatwa adalah merupakan satu proses ijtihad yang mana ianya berperanan dalam menangani permasalahan hukum baharu yang tidak pernah berlaku pada zaman dahulu. Dalam konteks pengamalan Ijtihad di Malaysia, Ijtihad mempunyai dua bentuk yang diamalkan pada masa kini iaitu *ijtihad intiqaiyy* dan *ijtihad al-insha'iyy*. *Ijtihad intiqaiyy* membawa maksud memilih salah satu pendapat yang paling kuat di antara pendapat-pendapat yang terdapat dalam fatwa atau keputusan hukum yang ditinggalkan ulama' terdahulu (al-Qaradhawi, 1988) manakala *ijtihad insha'iyy* pula bermaksud satu hukum atau

keputusan yang dikeluarkan kepada satu permasalahan baharu atau lama yang belum ditetapkan hukumnya oleh ulama'-ulama' terdahulu (al-Qaradhawi, 1988).

### **Institusi Fatwa Dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) merupakan matlamat yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Malaysia (PBB) melalui Perhimpunan Agung Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dengan menggariskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030, matlamat ini tidak hanya memberi tumpuan kepada agenda alam sekitar semata-mata namun kesejahteraan komuniti, pertumbuhan ekonomi juga turut diberi perhatian. Matlamat ini adalah hasil kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Mellinium yang ditandatangani pada September tahun 2000 dan berakhir pada tahun 2015 yang mana matlamat ini hanya mengetengahkan 8 matlamat utama iaitu:

*(1) Membasmi Kemiskinan Tegar Kebuluran, (2) Mencapai Pendidikan Asas Sejangat, (3) Memberikan Persamaan Jantina Dan Memberi Kuasa Kepada Wanita, (4) Mengurangkan Kematian Kanak-Kanak, (5) Mempertingkatkan Kesihatan Ibu Mengandung, (6) Memerangi HIV/AIDS, Malaria Dan Penyakit Lain, (7) Memastikan Kemampanan Alam Sekitar, (8) Membangunkan Kesepakatan Global Bagi Pembangunan (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2015).*

Namun, melalui SDGs ini sebanyak 17 matlamat diperkenalkan dengan menyentuh pelbagai aspek;

*(1) Tiada Kemiskinan, (2) Kelaparan Sifar, (3) Kesihatan Baik dan Kesejahteraan, (4) Pendidikan Berkualiti, (5) Kesaksamaan Gender, (6) Air Bersih dan Sanitasi, (7) Tenaga Berpatutan dan Bersih, (8) Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi, (9) Industri, Inovasi dan Infrastruktur, (10) Mengurangkan Ketidaksamaan, (11) Bandar dan Masyarakat Mampan, (12) Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab, (13) Tindakan Terhadap Iklim, (14) Kehidupan dalam Air, (15) Kehidupan di Darat, (16) Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh, (17) Kerjasama demi Matlamat (Sustainable Development Goals, 3 November 2019).*

Dalam konteks hubungan fatwa dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), fatwa dan SDGs adalah dua perkara yang berbeza. Pada asasnya, fatwa ialah proses pembinaan hukum melalui kaedah ijtihad yang berlandaskan kepada syariat Islam. SDGs pula ialah pembentukan matlamat yang dicapai dan dipersetujui oleh ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak didasari dengan ajaran Islam.

Walaupun bagaimanapun, matlamat SDGs ini, kebanyakan menerapkan prinsip-prinsip yang bercirikan Islam (Hafizah, Zakaria & Faisal, 3, 2019). Bahawasanya, fatwa sangat signifikan dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia kerana apabila wujudnya permasalahan baharu yang mana belum ditetapkan hukumnya pada zaman dahulu, maka masyarakat akan menjadikan fatwa sebagai panduan dan rujukan. Oleh yang demikian, bagi memastikan fatwa sentiasa relevan sepanjang zaman dan pelaksanaan hukum-hukum syara' ditegakkan berlandaskan syariat Islam, maka peranan dan kedudukan Institusi fatwa perlu diberi penambahbaikan dan diperluaskan supaya Institusi berkenaan dapat menjalankan fungsinya dengan baik dan tersusun.

Dalam usaha menjadikan Institusi Fatwa sebagai satu badan yang berpengaruh, berkredibiliti, maju dan berdaya saing, maka Institusi Fatwa perlu juga sama-sama menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Melalui 17 matlamat yang digariskan, Institusi Fatwa perlu menjadikan Matlamat yang ke-16 iaitu menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi berkesan dapat dipertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat sebagai teras kepada pengukuhan dan permerkasaan Institusi Fatwa. Berdasarkan Matlamat yang ke-16 ini, Institusi fatwa perlu merangka semula kedudukan fatwa dalam perundangan dengan memastikan wujud penyeragaman dan keseragaman fatwa antara negeri-negeri di Malaysia dan fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di peringkat Persekutuan supaya tidak menimbulkan perbezaan fatwa yang boleh menyebabkan kecelaruan dan kekeliruan masyarakat. Disamping itu, pengurusan Institusi Fatwa juga perlu diberi penambahbaikan yang sewajarnya dengan mewujudkan kolaborasi antara agensi-agensi Kerajaan, Swasta, Badan bukan kerajaan (NGO), industri dan badan badan yang berkaitan. Selain itu, meramaikan keterlibatan golongan-golongan pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing untuk turut serta dalam proses pengeluaran fatwa (Nasohah et al., 2012). Sokongan Institusi fatwa kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) bakal membawa perubahan besar kepada Institusi agama Islam di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Revolusi Industri 4.0 telah membawa perubahan besar kepada landskap negara dalam banyak perkara malah corak kehidupan manusia juga turut berubah kesan daripada Industri berkenaan Industri 4.0 ini tidak dinafikan mendatangkan banyak kebaikan namun dalam masa yang sama ianya juga memberikan keburukan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam menghadapi perkembangan Revolusi Industri 4.0 ini, banyak permasalahan serta isu-isu baharu berkaitan hukum syara' yang berlegar-legar

dalam kalangan masyarakat. Permasalahan dan isu-isu baharu ini merupakan isu yang bersifat kontemporari yang belum ada hukum yang ditetapkan pada zaman dahulu. Permasalahan dan isu berkenaan memerlukan jawapan segera agar masyarakat tidak membuat satu keputusan yang boleh meruntuhkan keyakinan mereka kepada agama Islam. Oleh yang demikian, Institusi Fatwa sudah semestinya badan yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan permasalahan berkenaan dan memiliki autoriti dalam mengeluarkan fatwa. Permasalahan dan isu baharu yang timbul dalam berhadapan dengan Industri 4.0 bukannya permasalahan yang mudah untuk diselesaikan dan ianya memerlukan kepada penelitian, kajian serta penyelidikan yang mendalam sebelum ssesuatu hukum itu diputuskan. Hal ini sudah semestinya merupakan cabaran besar kepada Institusi Fatwa dalam menangani permasalahan berkenaan. Oleh itu, bagi memelihara kedudukan Islam dan menjamin masyarakat agar sentiasa hidup berpaksi kepada syariat Islam maka, Institusi Fatwa perlu merangka satu perancangan komprehensif dan strategi berkesan dalam membawa perubahan Institusi ini selari dengan peredaran masa dan zaman supaya ianya tidak ketinggalan dalam arus pemodenan. Dalam pada yang sama, penambahbaikan dari masa ke semasa secara berterusan juga perlu dilakukan walaupun pelbagai cabaran yang perlu dihadapi kerana usaha ini dapat membantu Institusi Fatwa terus kekal relevan sepanjang masa.

Bagi memastikan Institusi fatwa dapat menjalankan peranan dan fungsinya dengan baik dalam menongkah arus perubahan semasa dicadangkan beberapa penyelesaian antaranya ialah memastikan syarat pelantikan mufti memerlukan kelayakan akademik dalam bidang Syariah dan teknologi malahan ahli jawatankuasa fatwa juga perlu memenuhi syarat berkenaan. Penetapan syarat berkenaan adalah bertujuan untuk memastikan mufti dan ahli jawatankuasa memahami pendekatan teknologi yang diterapkan dalam Revolusi Industri 4.0. Oleh yang demikian mufti dan ahli jawatankuasa dapat mengeluarkan hukum selari dengan perkembangan teknologi yang digunakan. Maka dalam hal ini, sudah pasti percanggahan hukum yang tidak mengambil kira keadaan semasa dapat dielakkan. Selain itu, penguatkuasaan yang tegas perlu diberikan kepada individu-individu yang tidak bertanggungjawab mendakwa sebagai ulama' atau mufti sehinggakan boleh mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan lunas-lunas syariat yang sebenar. Pemantauan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia serta pihak Polis juga perlu dipergiat dengan memantau media-media sosial seperti Facebook, Instagram dan sebagainya agar kegiatan ini tidak terus berleluasa sehingga boleh menimbulkan kecelaruan dan kekeliruan kepada masyarakat terhadap sesuatu hukum. Cadangan seterusnya ialah Institusi fatwa perlu mengukuhkan metodologi fatwa yang berorientasikan kepada fiqh semasa. Hukum Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama, hukum yang tetap dan tidak akan berubah serta ditukar ganti sama ada berlaku perubahan realiti semasa atau

setempat dan hukum yang kedua, hukum *juz'iyah* yang memelihara kepentingan manusia selari dengan perubahan masa dan keadaan (al-Sayis, 11, 1970; Mohd Faez & Noor Naemah, 2014). Dalam hal ini, hukum akan meletakkan kepentingan manusia selari dengan perubahan masa dan zaman. Oleh yang demikian, pendekatan fatwa semasa perlu mengambil kira perubahan waktu dan uruf agar hukum yang dikeluarkan relevan dengan perubahan yang berlaku.

## PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah menaja kajian Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), kod penyelidikan [USIM/FRGS/FSU/055002/50919].

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam menyempurnakan kajian ini iaitu Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), International Fatwa and Halal Centre (IFFAH).

## RUJUKAN

### Buku

- \_\_\_\_\_.2018. *"Industri 4.0: Apabila Teknologi Bergabung"*. MyLabour Observer. Putrajaya: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.
- \_\_\_\_\_.2018. *Dasar Kebangsaan Industri 4.0*. Putrajaya: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
- Abd Hamid, Mohd Azhar. 2012. *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bahru*. Tesis PhD. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Zaki Abd Latiff, Azam Hamzah & Azhar Mad Aros. 2015. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Selangor: Oxford Fajar.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1992. *'Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Cairo: Dar as-Sohwah.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad. 2004. *Al-Madkhal Al-Fiqh Al-'Am*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Chua Yan Piaw. 2012. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell, J. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (4<sup>th</sup> Edition). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

- Eisner, E. W. 1991. *The Enlightened Eye: Qualitative Inquiry and The Enhancement of Educational Practice*. New York, NY: Macmillan.
- Hasnan, Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ibnu Manzur. 1994. *Lisan al'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim Al-Jauziyyah, Shams al-Din Abu Abdullah Muhammad ibn Abi Bakar. 1999. *'Ilam al-Murwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, tahqiq: Masyhur ibn Hasan al-Salman Abu 'Abirah: Jeddah Dar Ibn Jauzi.
- Mardiana, Nordin & Hasnah, Hussiin. 2011. *Pengajian Malaysia*. Selangor: Oxford Fajar.
- Mazlan, Yusoff. 2017. "Semanis Kata". Buletin MAMPU Sarawak: Menyokong Agenda Digital Negara. Bil.3/2017.
- Merriam, S.B. & Associates. 2002. *Qualitative Research in Practice: Examples For Discussion and Analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research And Case Study Applications in Education*. Athens: The Jossey-Bass.
- Muhammad 'Ali, al-Sayis. 1970. *Nasy'ah al-Fiqh al-Ijtihadi wa Atwaruhu*. Cairo: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Muhammad Fakhruddin. 2010. *Kesan Teknologi Moden Terhadap Perubahan Hukum: Analisis Terhadap Penggunaan Short Message Service (SMS)*. Dissertasi Master, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Othman, Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods. (3rd Edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). 2005. *Malaysia Mencapai Matlamat Pembangunan Millenium*. Malaysia: Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- Ritchie, J. & Lewis, J. 2005. *Qualitative Research Practice: A Guide For Social Science Students and Researchers*. London: SAGE Publications.
- Stake, R. E. 1995. *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Strauss, A. & Corbin, J. 1998. *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures For Developing Grounded Theory. (2<sup>nd</sup> Edition)*. London: Sage Publications.
- Syeikh Husein Mohamad Milah. 2009. *Al-Fatwa Nash'atuha wa Tatawwaruha Usuliha wa Tatbiqatiha*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.

- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1988. *Ijtihad dalam Syariat Islam*. Malaysia: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Zafir, Mohd Makhbul, Fazilah, Mohamad Harun & Mohd Helmi, Ali. 2018. *Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia Mendepani Cabaran Industri*. Rahmah Ismail, Noorasiah Sulaiman, Wye Chung Khain (ed.) 2018. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. 2008. *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

## **Jurnal**

- Ahmad Hidayat Buang & Che Rozaihan Che Rosli. 2017. *Persepsi Dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Vol. 9, 129-147.
- Kasnan, H. 2006. *Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, Vol. 10, 1-19.
- Khairuldin, M. K., Nor Anas, N.I., Embong, A. H., Ismail, D. & Hanapi, M. S. 2019. *The Challenges of Fatwa Institutions in Malaysia in Facing the Progress of Science and Technology*. International Journal of Mechanical Engineering and Technology, 10(3), 1806-1813.
- Majid, Z. 2004. *Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia*. Jurnal Syariah, 12(2): 79-93.
- Mohamed Makhbul, Zafir Khan & Abd Latif, Mohd Nazmi. 2019. *Mengurus Modal Insan Dalam Industri 4.0 Ke Arah Kecemerlangan Negara*. E-BANGI Journal, 16(6), 1-13.
- Mohamed Ali, Ayu Nor Azilah & Nor Azlah Sham. 2018. *Survival Orang Melayu Mendepani Arus Revolusi Perindustrian 4.0: Suatu Penelitian Awal*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor. 23-24 April.
- Mohd Faez, Mohd Shah & Noor Naemah, Abdul Rahman. 2014. *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4 (1), 67-90.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail & Mohd Anuar Ramli. 2013. *Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal*. Jurnal Fiqh, Vol. 10, 31-56.

- Nasohah, Z., Laluddin, H., Kusrin, Z., & Muwazir, M. R. 2012. *Standardisation of Fatwa in Malaysia: Management and Problems*. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6), 923–929.
- Wan Zulkifli Wan Hassan, Nabilah Abdullah, Mohd Arip Kasmoo, Nazri, Muslim, Jamsari Alias & Azizi Umar. 2016. *Kerelevanan Fatwa Mengenai Pengagihan Zakat Sebagai Suatu Sistem Jaminan Sosial Masyarakat Islam di Terengganu*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Vol. 13, 33-52.
- Yasin, M. 2007. *Pengurusan Dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan Dan Cabaran Di Malaysia*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6(1), 119–135.
- Zaini, Nasohah. 2005. *Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*. *ISLAMIYYAT*, 27(1), 25-44.

### **Akta**

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 2002.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991.
- Federal Constitution of Malaysia (as of 2019).

### **Internet**

- Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. <[http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/maklumat\\_fatwa/2](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/maklumat_fatwa/2)> (diakses pada 30 Oktober 2019).
- Sustainable Development Goals. UNDP in Malaysia. <<https://www.my.undp.org/content/malaysia/en/home/sustainable-development-goals.html>> (diakses pada 3 November 2019).
- Zakaria M. R. Minda: Revolusi Industri 4.0 – Ekonomi Masa Depan. *Bacalah Malaysia*. <<https://www.bacalahmalaysia.com/2018/03/17/minda-revolusi-industri-4-0-ekonomi-masa-depan/>> (diakses pada 31 Mac 2018)